

NILAI ESTETIKA DALAM KESENIAN SONGKET MALAYSIA

CHE AZNI AZIRA BT CHE OMAR

97185853

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti
Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana
Muda Seni Reka Tekstil.

1. Diperiksa oleh.....  Tarikh..... 14/04/01.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

Dekan,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,

Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengatakan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Illahi kerana di atas kurniaannya telah mendorong saya kepada usaha yang amat murni bagi menyempurnakan kerja tahun akhir ini.

Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyempurnakan tesis ini.

Di ruangan ini saya merakamkan ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, terutama kepada pensyarah di Jabatan Seni Reka Tekstil. Terima kasih juga kepada pensyarah penasihat saya iaitu En. Nik Abdullah Zawawi Bin Che Mat yang sudi memberi tunjuk ajar disepanjang pembikinan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada teman-teman seperjuangan terutamanya buat E-na. Terima kasih juga buat semua pekerja di tempat latihan praktikal iaitu di Cik Minah Songket dan Batik.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya kepada Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan UiTM Cawangan Kelantan dan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam yang turut sama menjayakan tesis ini.

SINOPSIS

Seni tekstil di Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai teknik dan hasil penciptaan. Ia dapat dicipta dengan teknik menyulam, meruji benang, merenda, menenun dan sebagainya. Melalui berbagai-bagai teknik ini, tekstil akan dapat dibentuk dengan berbagai-bagai rupa dan ragam hias. Songket merupakan jenis tenunan yang lengkap. Malah ia merupakan dari proses tenunan biasa dan tenunan ikat dan dipercayai berkembang di istana. Dengan proses menyongket, solek / menyolek menjadikan ia satu penciptaan dengan proses yang rumit. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan bagi menyempurnakan tesis ini, antaranya adalah seperti mengadakan temubual atau temujanji dengan pengusaha dan penenun songket serta membuat kaji selidik melalui internet, buku, majalah dan surat khabar. Beberapa soalan yang timbul semasa menjalankan kajian untuk menyiapkan tesis ini telah terjawab. Tujuannya adalah untuk mengetahui setakat manakah kebenaran andaian yang telah dibuat. Hasil dari temuramah dan rujukan dari buku telah banyak membantu pengkaji dalam memperkuatkan lagi hujah untuk menyokong andaian-andaian yang dibuat. Setiap nilai seni dan kraftangan yang dihasilkan mempunyai nilai keindahan yang tersendiri, begitu juga dengan songket. Pengkaji telah mengkaji nilai estetika yang ada pada songket dari segi, alat tenunan, proses pembuatan, motif ragamhias, warna dan pemakaian baju tradisional Melayu.

PENDAHULUAN

Syukur Alhamdulillah keHadrat Ilahi kerana dengan izinNya, dapat saya menghasilkan sebuah tesis yang mana akan dapat memberikan pengetahuan yang luas serta dapat menarik minat orang ramai untuk menghargai keunikan yang terdapat pada kesenian songket.

Meskipun terdapat banyak lagi unsur-unsur seni yang lain selain daripada songket, tetapi kehalusan dan nilai-nilai estetikanya tidak ada tolok bandingnya dengan hasil-hasil seni yang lain.

Songket mempunyai struktur dan sifatnya yang tersendiri dan ianya juga merupakan pakaian tradisi masyarakat Melayu lama. Motif atau corak yang ditenun adalah berdasarkan kepada motif-motif alam semulajadi. Ini membuktikan orang-orang Melayu lama telah mempraktikkan dan menggunakan keindahan alam yang ada dengan begitu baik dan teliti.

Sebagai masyarakat Melayu yang cintakan kepada nilai-nilai estetika Melayu mestilah mengambil berat tentang masalah kepupusan yang bakal dihadapi oleh pengusaha tenunan. Hasil tenunan songket adalah salah satu daripada seni halus yang dimiliki oleh masyarakat Melayu di mana ianya diwarisi sejak zaman berzaman dan sukar ditandingi nilai keaslian rekaan corak dan pembuatannya.

Namun, malangnya kerana seni itu sebenarnya tidak begitu meresap kedalam jiwa anak muda sekarang. Tanggapan mereka ia hanyalah sebagai bahan

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	II
SINOPSIS	IV
PENDAHULUAN	V
ISI KANDUNGAN	VII
SENARAI GAMBAR	X
SENARAI RAJAH	XII

BAB 1 (PENDAHULUAN)

1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	3
1.2.1 BAHAN-BAHAN DAN PERALATAN	10
1.2.2 TEKNIK-TEKNIK PENGHASILAN	18
1.2.3 SUSUNAN RAGAMHIAS SONGKET	27
1.3 PERNYATAAN MASALAH	30
1.4 TUJUAN KAJIAN	32
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	33
1.6 SOALAN KAJIAN	34
1.7 HIPOTESIS	35
1.8 SKOP KAJIAN	36
1.9 DEFINISI TAJUK	37
1.9.1 DEFINISI ESTETIKA	37